

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT (WHISTLEBLOWING)

MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)

1.0 TUJUAN

Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistleblowing*) Majlis Bandaraya Seberang Perai ini adalah berpandukan kepada **Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]**. Polisi ini menjadi pelengkap kepada Sistem Aduan Bersepadu Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Ia merupakan suatu saluran alternatif untuk seluruh warga Majlis Bandaraya Seberang Perai atau mana-mana pihak luar yang berurusan dengan Majlis Bandaraya Seberang Perai untuk menyalurkan maklumat sekiranya sistem komunikasi biasa tidak sesuai digunakan apabila maklumat itu melibatkan pegawai, ketua bahagian atau mana-mana warga Majlis Bandaraya Seberang Perai yang bertugas di Majlis Bandaraya Seberang Perai.

2.0 PEMAKAIAN

Polisi ini terpakai kepada:

- **2.1** Semua warga Majlis Bandaraya Seberang Perai; dan
- **2.2** Pemegang taruh, rakan niaga atau mana-mana individu / organisasi yang berurusan dengan Majlis Bandaraya Seberang Perai.

3.0 OBJEKTIF

- **3.1** Memudahkan pendedahan dibuat seawal mungkin dengan penuh tanggungjawab dan mengikut prosedur-prosedur yang ditetapkan.
- **3.2** Sebagai langkah memerangi salah laku serta ketidakpatuhan warga Majlis Bandaraya Seberang Perai kepada undang-undang, kod etika, pekeliling dan peraturan-peraturan.
- **3.3** Sebagai jaminan kepada warga Majlis Bandaraya Seberang Perai atau mana-mana individu bahawa kerahsian maklumat akan dijaga untuk mengelak daripada sebarang tindak balas akibat daripada pendedahan maklumat yang dibuat dengan niat suci hati (*good faith*).

4.0 TAFSIRAN

- **4.1 Agensi Penguatkuasaan:** Agensi Kerajaan yang mempunyai fungsi dan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan oleh mana-mana undang-undang bertulis.
- **4.2 Polisi:** Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistleblowing*) Majlis Bandaraya Seberang Perai.
- **4.3 Pemberi Maklumat:** Mana-mana individu yang membuat pendedahan kelakuan tidak wajar atau seseorang yang membuat laporan kepada Pegawai Diberi Kuasa sama ada secara lisan atau bertulis.
- **4.4 Kelakuan Tidak Wajar:** Apa-apa kelakuan yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah.
- **4.5 Kesalahan Tatatertib:** Apa-apa tindakan atau peninggalan yang menjadi suatu pelanggaran tatatertib dalam badan awam / swasta sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang atau dalam suatu

tatalaku, kod etika, kaedah-kaedah, atau pekeliling, atau kontrak kerja mengikut mana-mana yang berkenaan.

• **4.6 Maklumat Sulit:**

1. Maklumat tentang identiti, pekerjaan, alamat kediaman, alamat tempat kerja atau tempat beradanya:

i) seseorang pemberi maklumat;

ii) seseorang yang terhadapnya seseorang pemberi maklumat telah membuat pendedahan kelakuan tidak wajar;

2. Maklumat yang didedahkan oleh seseorang pemberi maklumat; dan

3. Maklumat yang jika didedahkan, boleh menyebabkan mudarat kepada mana-mana orang.

• **4.7 Tindakan Yang Memudaratkan:** Tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan / kerosakan, ugutan, gangguan terhadap pekerjaan yang sah atau mata pencarian mana-mana individu.

• **4.8 Warga Majlis Bandaraya Seberang Perai:** Semua kakitangan / pekerja Majlis Bandaraya Seberang Perai.

• **4.9 Mana-Mana Individu:** Warga Majlis Bandaraya Seberang Perai / pelanggan, perunding, pembekal, kontraktor, agensi dan lain-lain yang berkenaan.

• **4.10 Pegawai Diberi Kuasa:** Pegawai Diberi Kuasa adalah mana-mana pegawai yang ditempatkan di Unit Integriti Majlis Bandaraya Seberang Perai.

5.0 SIAPA YANG BOLEH MEMBUAT ADUAN

Aduan mengenai Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar (KTW) boleh dibuat oleh warga Majlis Bandaraya Seberang Perai, pelanggan, perunding, pembekal, kontraktor, agensi dan lain-lain yang berkenaan kepada Pegawai Diberi Kuasa.

6.0 MAKLUMAT YANG BOLEH DIDEBAHKAN

• **6.1** Suatu pendedahan Kelakuan Tidak Wajar (KTW) boleh dibuat sekiranya ia berkaitan dengan satu atau lebih salah laku yang dilakukan oleh warga Majlis Bandaraya Seberang Perai;

• **6.2** Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar (KTW) berkaitan kesalahan jenayah akan diuruskan berdasarkan polisi ini;

• **6.3** Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar (KTW) berkaitan kesalahan tatatertib akan diuruskan berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Aduan Integriti dan Siasatan Majlis Bandaraya Seberang Perai; dan

• **6.4** Sekiranya pemberi maklumat tidak pasti sama ada sesuatu perbuatan yang terjadi atau dilakukan adalah satu kesalahan di bawah polisi ini, beliau digalakkan untuk mendapat nasihat atau panduan daripada Pegawai Diberi Kuasa.

7.0 PROSEDUR MEMBUAT ADUAN

7.1 Pada amnya, semua pendedahan mengikut polisi ini harus dibuat kepada Pegawai Diberi Kuasa.

7.2 Pendedahan awal hendaklah mengandungi mana-mana butiran berikut:

a) Sekiranya pemberi maklumat adalah warga Majlis Bandaraya Seberang Perai, maklumat yang diperlukan adalah nama beliau, jawatan, alamat semasa dan nombor untuk dihubungi; atau

b) Sekiranya pemberi maklumat adalah bukan warga Majlis Bandaraya Seberang Perai, maklumat yang diperlukan adalah nama beliau, nama majikan, jawatan, alamat semasa dan nombor untuk dihubungi.

7.3 Pemberi maklumat yang ingin membuat pendedahan Kelakuan Tidak Wajar (KTW) boleh menyalurkan aduan melalui kaedah berikut:

- i) Hadir sendiri berjumpa dengan Pegawai Diberi Kuasa, iaitu **Ketua Unit Integriti**;
- ii) E-Mel kepada: **integriti@mbasp.gov.my**
- iii) Menghantar surat aduan fizikal kepada:
Unit Integriti
Majlis Bandaraya Seberang Perai,
Menara Bandaraya, Jalan Perda Utama, Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
- iv) Menghubungi talian rasmi: **04 - 549 7555 (Sambungan / Ext: 374)**

7.4 Sekiranya pendedahan Kelakuan Tidak Wajar (KTW) dibuat melalui surat / emel, pemberi maklumat perlu menyatakan identiti dan alamat atau cara bagaimana untuk dihubungi.

7.5 NOTA PENTING (KLAUSA SURAT LAYANG):

Surat / Surat Layang / Emel / Telefon yang **TIDAK MENYATAKAN MAKLUMAT YANG JELAS** tentang nama, identiti, nombor telefon, atau alamat pemberi maklumat untuk dihubungi adalah **TIDAK LAYAK** diberikan perlindungan di bawah Polisi Ini. Walau bagaimanapun, aduan tersebut tetap diterima dan tindakan siasatan akan diteruskan berdasarkan maklumat sah yang disalurkan.



BORANG AKU JANJI
POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT (WHISTLEBLOWING)
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)

Nama Pegawai :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan / Gred :

Jabatan / Unit :

Tempat Bertugas :

Saya dengan ini mengaku bahawa saya telah membaca, memahami dan berjanji akan mematuhi sepenuhnya segala ketetapan dan prinsip yang terkandung di dalam Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (Whistleblowing) Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Saya memperakui komitmen saya untuk menyokong penuh usaha integriti MBSP dengan melaporkan sebarang Kelakuan Tidak Wajar (KTW) atau pelanggaran undang-undang, tatalaku, kod etika, pekeliling, atau peraturan agensi melalui saluran rasmi yang telah ditetapkan di bawah niat suci hati (*good faith*).

Saya juga akur dan faham sepenuhnya bahawa perlindungan kerahsian maklumat di bawah polisi ini tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat yang munasabah termasuk sekatan ke atas penyebaran maklumat palsu, berniat jahat atau identiti yang tidak jelas (surat layang) seumpamanya seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal 7.5 polisi.

Tandatangan Pegawai:

Diterima & Disahkan Oleh:

.....

.....

(Tandatangan Kakitangan)

(Tandatangan Ketua Unit Integriti / Wakil)

Tarikh:

Tarikh: